

Tabung Endowmen universiti tempatan kutip RM1.85b

KUALA LUMPUR 7 Ogos - Sebanyak RM1.85 bilion telah dikutip melalui Tabung Endowmen di 20 universiti tempatan setakat Jun tahun ini.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh (**gambar**) berkata, daripada jumlah tersebut, Universiti Malaya (UM) mencatatkan kutipan tertinggi sebanyak RM1.6 bilion diikuti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sebanyak RM71 juta.

Menurut beliau, kutipan tabung tersebut diperoleh hasil sumbangan individu persendirian dan syarikat.

“Selain itu, universiti awam juga mempunyai Tabung Wakaf sebagai salah satu sumber pendanaan yang penting untuk kelestarian universiti. Setakat

ini, sebanyak 13 universiti awam telah menubuhkan pusat wakaf dan menerima kelulusan majlis agama Islam negeri manakala tujuh lagi masih dalam proses.

“Setakat hari ini, jumlah kutipan Tabung Wakaf bagi 13 universiti awam berjumlah RM23.05 juta. Universiti Putra Malaysia (UPM) mencatatkan jumlah tertinggi dengan RM8 juta diikuti Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) sebanyak RM4.48 juta,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika

menjawab soalan **Datin Mastura Mohd. Yazid (BN-Kuala Kangsar)** mengenai jumlah universiti awam yang telah mewujudkan Tabung Wakaf dan Tabung Endowmen pada sesi pertanyaan

lisan dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.

Menjawab soalan tambahan Mastura sama ada kerajaan bercadang untuk memberi insentif kepada pihak yang menyumbang kepada kedua-dua tabung itu, Idris menjelaskan, pihaknya sedang bekerjasama dengan Kementerian Kewangan supaya penyumbang kepada Tabung Wakaf menerima pengecualian cukai.

“Untuk Tabung Endowmen pula memang sudah ada insentif pelepasan cukai di bawah Subseksyen 44.6 Akta Cukai Pendapatan 1967,” jelasnya.

Dalam pada itu, ketika menjawab soalan tambahan **Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad (PAN - Kuala Terengganu)** mengenai langkah diambil kerajaan untuk meneruskan inisiatif Taman Ilmu di Terengganu, Idris menjelaskan bahawa taman tersebut dijangka mula beroperasi pada 5 September depan.

